



NEGERI KEDAH DARUL AMAN

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF KEDAH DARUL AMAN GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 62
No. 6

14hb Mac 2019

*TAMBAHAN No. 3
PERUNDANGAN*

K. P.U. 4.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL VANDALISME
(PIHAK BERKUASA TEMPATAN NEGERI KEDAH) 2018

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Undang-undang kecil

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Pemakaian
3. Tafsiran

BAHAGIAN II

KESALAHAN VANDALISME

4. Kesalahan-kesalahan

Undang-undang kecil

5. Penalti
6. Kuasa menyita dan sebagainya
7. Pendakwaan
8. Mengkompaun kesalahan
9. Pembatalan dan peruntukan peralihan

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL VANDALISME
(PIHAK BERKUASA TEMPATAN NEGERI KEDAH) 2018

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh seksyen 102 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Kedah membuat, dan menurut seksyen 103 Akta tersebut, Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan Undang-undang Kecil yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Vandalisme (Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Kedah) 2018**.

(2) Undang-Undang Kecil ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh ianya disiarkan dalam *Warta*.

Pemakaian

2. Undang-Undang Kecil ini hendaklah terpakai hanya bagi kawasan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Kedah.

Tafsiran

3. Dalam Undang-Undang Kecil ini melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“binatang” ertinya apa-apa jenis binatang termasuk burung, serangga dan hidupan air;

“harta Majlis” ertinya apa-apa harta alih atau harta tidak alih yang dipunyai, dibina, diuruskan, disewa atau diselenggara oleh Majlis yang terletak atau yang ada di dalam, di bawah atau mana-mana tempat awam atau tempat persendirian di dalam kawasan Majlis dan apa-apa harta mana-mana pihak atau orang yang berkontrak dengan Majlis yang digunakan bagi maksud memenuhi atau melaksanakan kontrak itu termasuklah apa-apa kerja yang dijalankan oleh Majlis dan mana-mana binatang, pokok, tumbuh-tumbuhan, rumput, sungai, tasik dan anak sungai yang di bawah penjagaan dan kawalan Majlis;

“kerja” ertinya mana-mana kerja yang dijalankan oleh Majlis atau mana-mana orang yang dilantik oleh Majlis di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang ada di dalam, di bawah atau di atas mana-mana tempat awam atau persendirian di dalam kawasan Majlis;

“Majlis” ertinya Majlis Bandaraya, Majlis Perbandaran, Majlis Daerah dan Pihak Berkuasa Tempatan Taman Perindustrian Hi-Tech Kulim;

“Datuk Bandar” ertinya Datuk Bandar Majlis Bandaraya Alor Setar dan termasuklah Timbalan Datuk Bandar;

“Yang Dipertua” ertinya orang yang pada masa itu menjalankan kewajipan-kewajipan jawatan Yang Dipertua dan termasuklah Timbalan Yang Dipertua;

“Pegawai Yang Diberi Kuasa” ertinya mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Datuk Bandar atau Yang Dipertua;

“Setiausaha” ertinya Setiausaha kepada Majlis;

“tempat awam” mempunyai erti yang sama seperti dalam Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*]; dan

“tempat persendirian” ertinya mana-mana tempat selain tempat awam.

BAHAGIAN II

KESALAHAN VANDALISME

Kesalahan-kesalahan

4. (1) Tiada seseorang pun boleh, melainkan jika kebenaran atau kuasa baginya diberi secara bertulis oleh Majlis—

- (a) menulis, melukis, mengecat, menyembur, menanda, mencakar, mencalar atau mengukir apa-apa perkataan slogan, karikatur, simbol atau apa-apa jua pun di atas harta Majlis;
- (b) memasang, melekat, menampal, menunjukkan atau mempamerkan apa-apa poster, pelekat, iklan, surat tempelan, notis, kertas atau apa-apa dokumen di atas harta Majlis;
- (c) menggantung, menyangkut, menaikkan, melekatkan atau mempamerkan apa-apa bendera, panji-panji hiasan, panji-panji bendera, banting, sepanduk atau yang menyerupai dengan sesuatu slogan, karikatur, lukisan, simbol atau apa-apa perkataan lain di atas harta Majlis;
- (d) melakukan, mengikat, menyimpul atau merantai apa-apa benda ke atas harta Majlis;
- (e) mencuri, mengalih, mengganggu, mengusik, memindah, mencacatkan, merosakkan, melupuskan atau memusnahkan apa-apa harta Majlis;
- (f) membuat apa-apa ubahan kepada apa-apa harta Majlis;

-
- (g) mengalih, memindah, mengusik, mencacatkan, merosakkan atau memusnahkan apa-apa jua yang dipamerkan, digantung, didirikan, dilekatkan, dinaikkan atau disangkut oleh Majlis;
 - (h) meludah, membuang air kecil atau membuang air besar di dalam atau di atas mana-mana harta Majlis kecuali di tempat yang disediakan bagi maksud itu;
 - (i) mengotorkan atau mencemarkan air di mana-mana pancutan air, kolam renang, sungai, tasik atau anak tasik yang di bawah penjagaan dan kawalan Majlis;
 - (j) memotong, menggali, mengalih, memetik, membantun, merosakkan atau memusnahkan mana-mana pokok atau tumbuh-tumbuhan, bunga, daun atau dahan mana-mana pokok atau tumbuh-tumbuhan atau rumput yang di bawah penjagaan dan kawalan Majlis;
 - (k) mengorek, mengangkat, mengambus atau mengalih tanah dari mana-mana harta Majlis;
 - (l) memerangkap, menangkap, mendera, membunuh, memberi makan atau mengganggu mana-mana binatang kepunyaan Majlis atau yang di bawah penjagaan dan kawalan Majlis atau mana-mana orang yang dilantik oleh Majlis;
 - (m) menunggang, memandu, menolak atau menarik apa-apa kenderaan sama ada yang digerakkan secara mekanikal atau selainnya atau meluncur dengan papan selaju atau kasut beroda atau skuter atau apa-apa alat lain di atas mana-mana harta Majlis yang bukan dibenarkan bagi maksud itu; atau
 - (n) melakukan apa-apa perbuatan yang boleh menyebabkan kerosakan kepada harta Majlis.

(2) Apa-apa tindakan yang diambil oleh Datuk Bandar atau Yang Dipertua atau mana-mana pegawai Majlis yang diberi kuasa secara bertulis oleh Majlis di bawah perenggan (1) tidak boleh ditafsirkan sebagai menghalang mana-mana orang daripada dikenakan pendakwaan bagi apa-apa kesalahan terhadap mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini.

Penalti

5. Mana-mana orang yang melakukan mana-mana perbuatan vandalisme yang tersebut dalam perenggan 4(1) atau cuba melakukan mana-mana perbuatan itu atau menyebabkan mana-mana perbuatan itu dilakukan adalah melakukan kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjara selama satu tempoh yang tidak melebihi satu tahun atau denda dan penjara itu kedua-duanya dan mengenai kesalahan yang berterusan boleh selanjutnya didenda tidak melebihi dua ratus ringgit bagi setiap hari selama tempoh kesalahan itu diteruskan selepas sabitan.

Kuasa menyita dan sebagainya

6. Datuk Bandar atau Yang Dipertua atau mana-mana pegawai Majlis yang diberi kuasa secara bertulis oleh Majlis boleh—

- (a) menyita, mencabut buang atau mengalih apa-apa benda yang didapati tergantung, dinaikkan, ditampal, diikat, disimpul, dirantai, dipaku, dilekatkan, disangkut, dipamerkan atau dipertunjukkan di atas mana-mana harta Majlis berlanggaran dengan mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini; dan
- (b) memadam apa-apa tulisan, gambar, lukisan, tanda cakaran, calar atau ukiran yang dibuat oleh mana-mana orang berlanggaran dengan mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini.

Pendakwaan

7. Tiada pendakwaan boleh dimulakan terhadap kesalahan di bawah Undang-undang Kecil ini kecuali atau dengan keizinan Pendakwa Raya.

Mengkompaun kesalahan

8. (1) Mana-mana kesalahan di bawah Undang-undang Kecil ini boleh dikompaun oleh Datuk Bandar atau Yang Dipertua atau pegawai yang diberi kuasa.

(2) Jumlah wang yang boleh dikutip bagi mengkompaun kesalahan di bawah Undang-undang Kecil ini tidak boleh melebihi tiga ratus ringgit.

Pembatalan dan peruntukan peralihan

9. (1) Undang-undang Kecil yang berikut dibatalkan:

- (a) Undang-Undang Kecil Vandalisme (Majlis Perbandaran Kota Setar) 1991 [*K.P.U 21/1991*];
- (b) Undang-Undang Kecil Vandalisme (Majlis Daerah Langkawi) 1995 [*K.P.U 7/1995*];
- (c) Undang-Undang Kecil Vandalisme (Majlis Daerah Kulim) 1994 [*K.P.U 16/1995*];
- (d) Undang-undang Kecil Vandalisme (Majlis Daerah Baling) 1994 [*K.P.U 18/1995*];
- (e) Undang-Undang Kecil Vandalisme (Majlis Perbandaran Sungai Petani Kedah) 1995 [*K.P.U 14/1996*];
- (f) Undang-Undang Kecil Vandalisme (Pihak Berkuasa Tempatan Taman Perindustrian Hi-Tech Kulim) 1996 [*K.P.U 10/1997*]; dan

(g) Undang-undang Kecil Vandalisme (Majlis Daerah Kubang Pasu) 2003 [K.P.U 4/2003].

(2) Apa-apa notis, perintah, kompaun, lesen atau dokumen yang dibuat atau dikeluarkan di bawah Undang-undang Kecil yang dibatalkan hendaklah disifatkan telah dibuat atau dikeluarkan di bawah Undang-undang Kecil ini dan hendaklah terus berkuat kuasa sehingga dibatalkan.

Diperbuat oleh Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Kedah seperti berikut:




.....
Dato' Haji Mohd Zohdi bin Saad
Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Alor Setar

Tarikh: 10 September 2017



.....
Norizan bin Khazali
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Sungai Petani

Tarikh: 29 Oktober 2017




.....
Haji Rohaizad bin Rashid
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Kulim

Tarikh: 29 Oktober 2017




.....
Haji Abdul Bari bin Abdullah
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Langkawi

Tarikh: 7 Mac 2018



.....
Mohd Fisol bin Md Noh
Yang Dipertua
Majlis Daerah Kubang Pasu

Tarikh: 27 September 2017



.....
Datuk Md Shuhaimie bin
Abdul Rahman
Yang Dipertua
Majlis Daerah Baling

Tarikh: 27 September 2017



.....
Haji Mohd Yusri bin Hj. Md Daud
Yang Dipertua
Majlis Daerah Yan

Tarikh: 31 Oktober 2017



.....
Zaid bin Ahmad
Yang Dipertua
Majlis Daerah Pendang

Tarikh: 26 Oktober 2017




.....
Dato' Nawadzir binti Hj. Abdul Ghani
Yang Dipertua
Majlis Daerah Sik

Tarikh: 1 Oktober 2017



.....
Haji Fathullah Suhaimi bin
Haji Ismail
Yang Dipertua
Majlis Daerah Padang Terap

Tarikh: 26 September 2017



.....
Haji Mohd Fauzi bin Mustaffa
Yang Dipertua
Majlis Daerah Bandar Baharu

Tarikh: 1 Oktober 2017



.....
Syed Khairol Anuar bin
Syed Abidin
Yang Dipertua
Pihak Berkuasa Tempatan
Taman Perindustrian Hi-Tech Kulim

Tarikh: 30 Oktober 2017

Disahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman
pada 30 Januari 2019.

[PSU(K) 98/-1396 SK 34(34)]

HAJI IQBAL BIN AHMAD
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
Kedah Darul Aman

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

VANDALISM (LOCAL AUTHORITY OF THE STATE OF KEDAH)
BY-LAWS 2018

ARRANGEMENT OF BY-LAWS

PART I

PRELIMINARY

By-Laws

1. Citation and commencement
2. Application
3. Interpretation

PART II

VANDALISM OFFENCES

4. Offences
5. Penalty
6. Power of seizure etc.
7. Prosecution
8. Compounding offences
9. Repeal and transitional provision

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

VANDALISM (LOCAL AUTHORITY OF THE STATE OF KEDAH) BY-LAWS 2018

IN exercise of the powers conferred by section 102 of the Local Government Act 1976 [*Act 171*], the Local Authority of the State of Kedah hereby makes and pursuant to section 103 of the said Act the State Authority confirms the following by-laws:

PART I

PRELIMINARY

Citation and commencement

1. (1) These by-laws may be cited as the **Vandalism (Local Authority of The State of Kedah) By-Laws 2018**.

(2) These By-laws shall come into force on the date of its publication in the *Gazette*.

Application

2. These By-laws shall apply to all Local Authorities of the State of Kedah.

Interpretation

3. In these By-laws, unless the context otherwise requires—

“animal” means all kinds of animal including bird, insect and aquatic life;

“property of the Council” means any moveable or immoveable property owned, constructed, managed, leased or maintained by the Council situated or being in, under or over any public or private place within the Council’s area and any property of any party or person having a contract with the Council being used for the purposes of fulfilling or executing the said contract and includes any works undertaken by the Council and any animal, tree, plants, grass, river, lake, and stream, under the care and control of the Council;

“works” means any works undertaken by the Council under any written law being in, under or over public or private place within the Council’s area;

“Council” means City Council, Municipal Council, District Council, and Kulim Hi-Tech Industrial Park Local Authority;

“Mayor” means the Mayor of City Council of Alor Setar and includes the Deputy Mayor;

“President” means the person for the time being lawfully performing the duties of the office of President and includes the Deputy President.

“Authorised Officer” means any officer of the Council who is authorized in writing by the Mayor or President;

“Secretary” means the Secretary of the Council;

“public place” shall have the same meaning as in the Local Government Act 1976 [Act 171]; and

“private place” means any place other than a public place.

PART II

VANDALISM OFFENCES

Offences

4. (1) No person shall, unless the permission or authority for it is given in writing by the Council—

- (a) write, draw, paint, spray, mark, scribble, scratch or inscribe any word, slogan, caricature, symbol or anything on the property of the Council;
- (b) fix, affix, post-up, display or exhibit any poster, sticker, advertisement, bill, notice, paper or any document on the property of the Council;
- (c) hang, fasten, hoist, affix or exhibit any flag, bunting, standard banner or the like with a slogan, caricature, drawing, symbol or any other word on the property of the Council;
- (d) nail, tie, bind or chain anything on the property of the Council;
- (e) steal, remove interfere, tamper with, displace, deface, damage or destroy any property of the Council;
- (f) make any alteration to any property of the Council;
- (g) remove, displace, tamper with, deface, damage or destroy anything which is displayed, hung, erected, affixed, hoisted or fastened by the Council;
- (h) spit, urinate or defecate within or any property of the Council except at place provided for that purpose;
- (i) contaminate or pollute the water in any fountain, swimming pool, river, lake or stream under the care and control of the Council;
- (j) cut, dig, remove, pluck, uproot, damaged or destroy any tree, plant, flower, leaf or branch of any tree or plant, or branch of any tree or plant, or grass under the care and control of the Council;
- (k) excavate, remove or bury any earth from any property of the Council;

- (l) trap, catch, torture, kill, feed or disturb any animal belonging to the Council or which is under the care and control of the Council or any person appointed by the Council;
- (m) ride, drive and push or pull any vehicle whether mechanically propelled or otherwise or glide with a skate or other apparatus on any property of the Council which is not permitted for that purpose; or
- (n) do any act which may cause damage to property of the Council.

(2) Any act done by the Mayor or the President or any officer of the Council authorized in writing by the Council under paragraph (1) shall not be construed as to preclude any person from liability to prosecution for any offence against any of the provisions of these By-Laws.

Penalty

5. Any person who commits any acts of vandalism mentioned under paragraph 4(1) or attempts to do any such act or causes any such act to be done shall be guilty of an offence and shall on conviction be liable to a fine not exceeding two thousand ringgit or to a term of imprisonment not exceeding one year or to both such fine and imprisonment and in case of a continuing offences shall also be liable to further fine not exceeding two hundred ringgit for each day during which such offence is continued after conviction.

Power of seizure etc.

6. The Mayor or the President or any officer of the Council authorized in writing by the Council may—

- (a) Seize, pull out or remove anything found hung, hoisted, posted-up, tied, bound, chained, nailed, affixed, fastened, exhibited or displayed on any property of the Council in contravention with any provisions of these By-Laws; and
- (b) Obliterate any writing, picture, drawing, mark, scribble or scratch on inscription which made by any person contravention in with any provisions of these By-Laws.

Prosecution

7. No prosecution shall be instituted for an offence under these By-Laws except by or with the consent of the Public Prosecutor.

Compounding offences

8. (1) Any offence under these By-Laws may be compounded by the Mayor or the President or the authorized officer in writing.

(2) The sum of money which may be collected in compounding any offence under these By-Laws shall not exceed three hundred ringgit.

Repeal and transitional provision

9. (1) These By-Laws shall be repeal—

- (a) Vandalism (Kota Setar Municipal Council) By-Laws 1991 [K.P.U 21/1991];
- (b) Vandalism (Langkawi District Council) By-Laws 1995 [K.P.U 7/1995];
- (c) Vandalism (Kulim District Council) By-Laws 1994 [K.P.U 16/1995];
- (d) Vandalism (Baling District Council) By-Laws 1994 [K.P.U 18/1995];
- (e) Vandalism (Sungai Petani Municipal Council) By-Laws 1995 [K.P.U 14/1996];
- (f) Vandalism (Kulim Hi-Tech Industrial Park Local Authorith) By-Laws 1996 [K.P.U 10/1997]; and
- (g) Vandalism (Majlis Daerah Kubang Pasu) By-Laws 2003 [K.P.U 4/2003].


(2) Any notice, order, compound, license or documents made or issued under the repealed By-Laws shall be deemed to be made or issued under these By-Laws and shall continue to remain in force until revoked thereof.

Made by Local Authorities of the State of Kedah as follows:



.....
Dato' Haji Mohd Zohdi bin Saad
Mayor
Alor Setar City Council

Dated: 10 September 2017



.....
Norizan bin Khazali
President
Sungai Petani Municipal Council

Dated: 29 October 2017



.....
Haji Rohaizad bin Rashid
President
Kulim Municipal Council

Dated: 29 October 2017



.....
Haji Abdul Bari bin Abdullah
President
Langkawi Municipal Council

Dated: 7 March 2018



.....
Mohd Fisol bin Md Noh
President
Kubang Pasu District Council

Dated: 27 September 2017



.....
Datuk Md Shuhaime bin
Abdul Rahman
President
Baling District Council

Dated: 27 September 2017

.....
Haji Mohd Yusri bin Hj. Md Daud
President
Yan District Council

Dated: 31 October 2017

.....
Zaid bin Ahmad
President
Pendang District Council

Dated: 26 October 2017

.....
Dato' Nawadzir binti Hj. Abdul Ghani
President
Sik District Council

Dated: 1 October 2017

.....
Haji Fathullah Suhaimi bin
Haji Ismail
President
Padang Terap District Council

Dated: 26 September 2017

.....
Haji Mohd Fauzi bin Mustaffa
President
Bandar Baharu District Council

Dated: 1 October 2017

.....
Syed Khairul Anuar bin
Syed Abidin
President
Local Authorities of Kulim Hi-Tech

Dated: 30 October 2017

Confirmed by the State Authority in the meeting on 30 January 2019.
[PSU(K) 98/-1396 SK 34(34)]

HAJI IQBAL BIN AHMAD
Secretary
State Executive Council
Kedah

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
CAWANGAN ALOR SETAR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA